



کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELAN DE-ESCALATION TAHAP KELIMA "NEW NORMAL" PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN DI GERAI-GERAI TERBUKA BERMULA HARI ISNIN, 08 MAC 2021

Bermula hari Isnin, 08 Mac 2021, pelaksanaan Pelan *De-Escalation* bagi kesemua **gerai-gerai terbuka** sama ada ia adalah di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran ataupun dikendalikan oleh pihak Kerajaan dan Swasta yang lain adalah di **Tahap Lima "New Normal"**. Gerai-Gerei Terbuka hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

BAGI PENGUSAHA GERAI TERBUKA:

1. Pengurus gerai-gerai terbuka dikehendaki untuk menyediakan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis.

Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR, pengurus gerai boleh menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung.
2. Jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk ke dalam premis gerai terbuka adalah dihadkan kepada **1,000 orang sahaja pada satu masa** mengikut garispandu perkumpulan ramai (*mass gathering*) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
3. Pengurus gerai untuk mengadakan kawalan bersesuaian bagi kawasan gerai.
4. Gerai-gerai terbuka yang menyediakan perkhidmatan dine-in boleh beroperasi pada **kadar kapasiti** seperti **biasa**;

**Disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

22 Rejab 1442 / 06 Mac 2021



کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

5. Pekerja-pekerja gerai-gerai terbuka yang mengendalikan dan menyediakan makanan adalah **digalakkan** untuk sentiasa memakai penutup muka yang bersesuaian dengan tugas pengendali makanan;
6. Peniaga Gerai Terbuka yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga;
7. Mana-mana pengusaha-pengusaha gerai makan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.
8. Pengusaha-pengusaha gerai makan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAGI PENGUNJUNG GERAI TERBUKA:

1. Para pengunjung hendaklah mengimbas kod QR di premis. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak pengurusan gerai.
2. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta menggunakan sungkup muka apabila berada di kawasan yang penuh sesak.
3. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi gerai makan sehingga telah sembuh.